



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 27 MEI 2022

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BEKALAN IKAN KURANG, PUNCA HARGA NAIK, NEGARA, KOSMO -6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	600 TAN METRIK HARUMANIS D'AMAN TAMPUNG PERMINTAAN MENJELANG 2025, NEGERI KEDAH, SH -26	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
3.	KEDAH SETS 2025 HARUMANIS TARGET, NATION, NST -11	
4.	BAWA MASUK AYAM HIDUP SIAM TAMPUNG BEKALAN, NEGARA, KOSMO -16	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
5.	AGROBANK SUMBANG ZAKAT KEPADA MUIS, NIAGA, KOSMO -37	AGROBANK
6.	REDUCING IMPORTS CAN REDUCE PRICES, NATION, NST -5	LAIN-LAIN
7.	CHICKEN SELLERS GETTING A HEADACHE DEALING WITH LOW STOCKS, NATION, NST -5	
8.	ENTREPRENEURS SET UP ORGANIC FARM ON SHOPPING MALL ROOF, NEWS IN BRIEF, NST -9	
9.	DURIAN PEAK SEASON DELAYED BUT FRUIT WILL BE CHEAPER BY OCTOBER, NATION, THE STAR -6	
10.	DURIAN CAP TUPAI, LOKAL, HM -18	
11.	PADI IS21 TANGANI ANCAMAN KEBULURAN, CETUSAN, SH -17	
12.	SELEPAS HENTI EKSPORT AYAM, APA SETERUSNYA?, SUARA SINAR, SH -16	
13.	KEBUN SAYUR ORGANIK ATAS BUMBUNG, NASIONAL, BH -25	
14.	TANAM SAYUR ATAS BUMBUNG, LOKAL, HM -20	
15.	PENGGUNA TERUS MENGELUH, NASIONAL, BH -16	
16.	MANFAATKAN TANAH LUAR JELAPANG PADI JAMIN SEKURITI MAKANAN, RENCANA, BH -12	
17.	PENIAGA TERPAKSA JUAL MAHAL, DALAM NEGERI, UM -30	
18.	KERAJAAN PATUT DENGAR SUARA PENGGUNA, DALAM NEGERI, UM -30	
19.	SPS, SPU BERPOTENSI TANAM JAGUNG, DALAM NEGERI, UM 30	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Kenaikan bersifat sementara, pulih bulan depan

Bekalan ikan kurang, punca harga naik

Oleh RASDAN AHMAD

PUCHONG – Peningkatan harga ikan di peringkat borong dan runcit dipengaruhi faktor bekalan ikan yang menurun ketika ini dan dijangka stabil apabila penawaran bekalan sumber laut itu pulih bulan depan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, faktor berkenaan diperoleh melalui analisa data dan perbandingan trend bekalan ikan beberapa tahun kebelakangan ini.

"Penurunan tersebut adalah dari segi penawaran bagi segmen pendaratan ikan marin (laut) iaitu sebanyak 15 peratus bagi minggu pertama sehingga minggu ketiga bulan ini berbanding bulan sebelumnya.

"Penurunan bekalan adalah situasi biasa dan bersifat sementara selain selari dengan pola pendaratan tahun-tahun sebelum ini disebabkan aktiviti penangkapan ikan yang berkurang sepanjang minggu akhir Ramadan dan dua minggu pertama Syawal," katanya di sini semalam.

Tambah Ahmad, jika dilihat pada data pendaratan ikan antara tahun 2016 hingga 2021, trend peningkatan pendaratan ikan akan mula meningkat pada Jun dan akan mencapai kemuncak sekitar September atau Oktober.

"Isu kekurangan bekalan ayam di pasaran berkemungkinan turut memberi kesan tambahan kepada peningkatan harga ikan memandangkan pilihan pengguna yang mula beralih kepada ikan.

"Berikutan peralihan pencarian pengguna kepada ikan ini turut menyebabkan tekanan terha-



AHMAD menghadiri Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Puchong semalam.



KERATAN Kosmo! semalam.

dap permintaan yang meningkat berbanding kapasiti penawaran bekalan ikan dalam pasaran," ujarnya.

Dalam pada itu katanya, sebagai langkah jangka pendek, LKIM menyediakan pelan pembekalan

ikan sejuk beku iaitu QFish untuk memberi pilihan kepada pengguna dalam mendapatkan bekalan.

Jelas Ahmad, faktor bekalan barang pengganti lain seperti ayam, telur ayam dan daging turut berkait rapat terhadap keseimbangan permintaan dan penawaran ikan di pasaran.

"LKIM akan memantau dengan lebih dekat situasi semasa bekalan ikan dan harga ikan dalam pasaran bagi memastikan langkah-langkah untuk menjamin bekalan harga kepada rakyat," jelasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/5/2022	SINAR HARIAN	NEGERI KEDAH	26



Muhammad Sanusi (tengah) menunjukkan buah Harumanis D' Aman yang diperkenalkan di Pusat Teknologi Mempelam Sala Kanan di Yan pada Khamis.

600 tan metrik Harumanis D' Aman tampung permintaan menjelang 2025

YAN - Kedah menyasarkan pengeluaran 600 tan metrik Harumanis D' Aman menjelang 2025 dengan keluasan 200 hektar tanaman bagi menampung permintaan pasaran.

Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor berkata, ketika ini pengeluaran yang dicatatkan hanya sekitar 60 tan metrik semusim.

Beliau yang ditemui pada majlis perasmian Penjenamaan Harumanis Negeri Kedah di

Pusat Teknologi Mempelam Sala Kanan di sini pada Khamis mengakui cuaca dan tanah di Kedah sesuai untuk tanaman tersebut.

“Kepada yang berminat mereka boleh merujuk kepada Jabatan Pertanian untuk dapatkan benih, baja dan racun yang bersesuaian,” katanya sambil menambah, nama Harumanis D' Aman diperoleh daripada Pertandingan Cadangan Nama Harumanis Negeri Kedah pada 21 April lalu.

AMPLE LAND

KEDAH SETS 2025 HARUMANIS TARGET

State aims to double size of orchards to produce 600 metric tonnes of mango, says MB

ADIE ZULKIFLI

news@nst.com.my

KEDAH has set a target to produce 600 metric tonnes of harumanis mangoes by 2025 to meet high demand for the sweet and aromatic mango.

Menteri Besar Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor said

to meet the target, the state Agricultural Department had set a goal to double the size of harumanis mango orchards from 100ha to 200ha.

"There are 130 farmers working on 98.76ha of orchards, producing 65 metric tonnes of harumanis mangoes.

"Kedah has ample land to double the size of these orchards to 200ha by 2025 to hit the target of producing 600 metric tonnes of harumanis."

He said this at the launch of Kedah harumanis branding, Harumanis D'Aman, at the Mangoes Technology Centre in Sala Kanan here.

Present were state Agricultural and Food Industry Committee chairman Azman Nasrudin, Sungai Limau assemblyman Mohd

Azam Abd Samat, Jerai member of parliament Sabri Aziz, Agricultural Department deputy director-general Datuk Eliyas Saad and state Agricultural Department director Ramli Abdul Rahman.

Sanusi presented an award to Azul Afiz Abdul Aziz, who defeated 465 people in a competition to name the Kedah harumanis brand.

Sanusi said the state government encouraged farmers to take advantage of the high demand for harumanis mangoes by venturing into crop farming.

"Those interested can contact the state Agricultural Department to get the harumanis sapling supply besides technical support and guidance.

"Most harumanis orchards are



Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor

in Kubang Pasu and Padang Terap districts. We wish to see more farmers venture into this crop."

He added that this was in line with the Harumanis Development Plan tabled at the state assembly sitting recently.

"The Perlis harumanis branding is strong, so people will make comparisons between harumanis produced in Kedah and those produced in the neighbouring state. But I must say that our harumanis tastes a bit better," he said in jest.

Perlis is the largest producer of harumanis in Malaysia.

It's expected to produce 1,427 metric tonnes of harumanis with an estimated sales value of RM38.53 million this year.



BEBERAPA pekerja Jukee Ayam sedang membersihkan ayam sebelum diedarkan ke empat buah negeri yang mengalami kekurangan bahan mentah berkenaan sejak minggu lalu.

Mampu atasi kekurangan sehingga 30,000 ekor Bawa masuk ayam hidup Siam tampung bekalan

Oleh TOREK SULONG

KOTA BHARU – Bagi mengatasi krisis bekalan ayam daripada terus menekan pengguna sehingga terpaksa berbelanja besar, kerajaan dicadang untuk membenarkan pembekal membawa masuk ayam hidup dari Thailand.

Pemilik Jukee Ayam, Zukla Deraman berkata, sekiranya langkah itu dibenarkan, kira-kira 10,000 hingga 30,000 ekor ayam mampu diagihkan ke seluruh negara sekali gus mengimbangi eksploitasi harga bahan mentah itu yang semakin meningkat.

Menurut pembekal ayam proses terbesar di Kelantan itu, ayam dari negara jiran berkenaan lebih murah dan segar.

"Langkah itu dapat mengurangkan kuasa jualan pengusaha ladang ternakan ayam tempatan yang sebelum ini didakwa didominasi oleh sesetengah pihak yang memainkan peranan utama dalam kenaikan harga sejak kebelakangan ini.

"Ayam hidup dari Thailand

perlu dibawa masuk menerusi Rantau Panjang, disembelih dan diproses sendiri pengusaha tempatan dengan pematuan syariah bagi mengelakkan waswas," katanya ketika dihubungi Kosmo! semalam.

Jelasnya, langkah itu perlu dikaji dan dipertimbangkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Dalam pada itu, Zulika memaklumkan, setiap hari pihaknya mengedarkan sebanyak 17,000 ekor ayam proses kepada pembekal di empat buah negeri yang mengalami krisis bekalan bahan mentah sejak minggu lalu.

Empat buah negeri berkenaan ialah Terengganu, Pahang, Kedah dan Kuala Lumpur.

"Setiap hari saya mendapat panggilan daripada pembekal di negeri berkenaan yang memerlukan ayam demi kelangsungan perniagaan.

"Disebabkan kami mempunyai lebihan, maka bekalan di-

salurkan kepada mereka dengan peringatan agar tidak menjual pada harga tinggi sehingga menyusahkan pengguna," ujarnya.

Sementara itu, di **Johor Bahru**, Pengarah Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Mohd. Hairul Anuar Bohro mengakui terdapat kekurangan bekalan di kawasan-kawasan tertentu di negeri berkenaan berikutan permintaan tinggi.

"Ada beberapa tempat yang mana permintaan terhadap ayam adalah tinggi dan menyebabkan cepat habis, tetapi ia boleh ditangani dan terkawal.

"Bekalan ayam ini sepenuhnya di bawah Jabatan Perkhidmatan Veteriner, manakala kita akan sentiasa memantau dan memeriksa sekiranya terdapat masalah dan sebagainya," katanya.

Sehubungan itu katanya, KPDNHEP Johor akan menjalankan pemantauan setiap hari bagi memastikan bekalan dan harga jualannya mengikut had ditetapkan kerajaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/5/2022	KOSMO	NIAGA	37

Agrobank sumbang zakat kepada MUIS

PETALING JAYA – Agrobank telah menyerahkan sumbangan zakat perniagaan bernilai RM540,569.95 kepada Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) sebagai memenuhi tanggungjawab sosial bank tersebut bagi membantu golongan yang kurang mendapat perhatian dan liputan.

Majlis penyerahan itu telah disempurnakan oleh Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin kepada Pengerusi MUIS, Datuk Seri Panglima Yahya Hussin sambil disaksikan Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahiruddin di Istana Negeri semalam.

Tengku Ahmad Badli Shah berkata, agihan zakat perniagaan ini adalah amalan tahunan bank tersebut setelah mengambil kira keuntungan bersih syarikat dan agihan zakat pendapatan dilakukan di setiap negeri di negara ini mengikut pengiraan tertentu.

“Bayaran zakat perniagaan kepada MUIS ini adalah salah satu usaha bagi membentuk pembangunan kemasyarakatan setempat dan komuniti di Sabah.

“Sumbangan zakat ini juga diharapkan dapat memberi impak positif kepada pembangunan so-



TENGGU AHMAD BADLI SHAH (kiri) menyerahkan replika zakat perniagaan kepada Timbalan Yang di-Pertua MUIS, Tuan Malai Ali Malai Ahmad di Kota Kinabalu semalam.

sioekonomi di seluruh Sabah terutama kepada golongan asnaf,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah Menteri Pertanian dan

Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee bersama Ahli Lembaga Pengarah Agrobank, Datuk Md. Afendi dan Pengarah Wilayah Sabah Agrobank, Fauziah Abu Bakar Titingan.

RISING COST OF LIVING

'REDUCING IMPORTS CAN REDUCE PRICES'

Use local resources as substitute for foreign goods, says economist

ARFA YUNUS
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my



Emeritus Professor Dr Barjoi Bardai

THE price of goods will increase as long as Malaysia's import rate continues to rise, especially in light of the abolition of Approved Permits (APs) for food imports, economist Emeritus Professor Dr Barjoi Bardai said.

Despite the recent Moody's Analytics report saying Malaysia would likely feel less inflationary heat from high commodity prices, Barjoi said this would not resolve the rising cost of living.

He said although abolishing APs would allow Malaysians to import food easily to ensure food security in the country, this would also lead to a price hike of essential items.

"On one side, abolishing the AP was a good move because we can now eliminate middlemen, and sellers can sell goods at lower prices."

"But it's a short-term solution because every time we want to import, we need to buy United States dollars since all imported goods are paid in USD."

"When the ringgit is frequently exchanged with USD, the demand for USD will be higher than the ringgit."

"As a result, the exchange rate will drop and weaken our ringgit since there is no more demand for our currency."

"And because of the increase in the exchange rate, the prices of our items will go up too, which is why there must be a way to control this situation, and that is by controlling our imports," he told the *New Straits Times*.

He said the government could pursue import substitution by using the country's resources to cater to demand for imported items.

With new substitutions, he said the country's reliance on imported items would be reduced,

which meant the prices of goods would go down too.

"Chicken prices have gone up because the price of chicken feed has increased due to, among others, the sanctions caused by the Russia-Ukraine war."

"However, we have a lot of oil palm trees."

"Palm fronds, which are rich in carbohydrates, sugar and fibre, can be used as a substitute for chicken feed, such as corn and soy."

Barjoi said: "Our chicken feed import is over 90 per cent when we can actually use palm fronds as a substitute, which will lead to a decrease in chicken prices."

"We need to control the prices of goods by controlling the number of items we import because when we import, there's the exchange rate to consider, hence the price hike."

When it came to agriculture, he said the government must take

the lead in ensuring food security, adding that relying on the private sector would work for only a short while.

"Years ago, the government promoted chicken breeding to the private sector and it was wonderful for a while."

"But little by little, they started thinking about themselves, hence the price manipulations throughout the years."

"We have a huge rice pool but our yield is low."

"One recent problem is that farmers complained about how fertilisers were sent to them a month late and that there was not enough water for them to use in padi fields."

"So, of course, our yield would be affected."

"In agriculture, it is the government that has to lead all initiatives to ensure food security because relying on the private sector will lead to price manipulation."

Chicken sellers getting a headache dealing with low stocks

KUALA LUMPUR: Seller Rosli Ahmad, 54, sees only half his order of chicken delivered to his stall at the Pandamaran wet market in Klang.

Rosli, who has been in the business for three decades, said it was the first time his supplier had said there was a shortage of birds from farms.

"I've never heard of this excuse before. But I think they are purposely withholding stock now."

"I used to have 1,000 fresh chickens sent to me daily, but this has been reduced to between 400 and 500."

"This has been going on for two or three months before the Hari Raya Aidilfitri celebrations."

"Now the situation has got worse."

"Now I serve only my regular customers, who are mostly roadside traders, restaurant operators and factories. I open my stall at 4am and close at 8am. Once all is sold, I am done."

"My suppliers cannot guarantee if they can send me more chickens."

"I'll see what tomorrow brings. I don't want to think too much about it as it'll just give me a headache," he told the *New Straits Times*.

Rosli, who receives chickens by the bag, said he received about 50 daily, which should contain 10 chickens, but the number had



This chicken trader in Klang had to close early on Monday due to low stock. PIC BY FAIZ ANUAR

been reduced to seven or eight.

He said he was concerned if he could cope with his customers' demand while his earnings had fallen by half.

"My supplier sends chicken to me at RM9.40 per kg and I sell it at RM10 or RM10.50."

"My profit is less than enough, but I feel it's more important to keep it low to maintain my regular customers."

He urged the authorities to go to farms to understand the plight of chicken operators.

Meanwhile, Sate Famili man-

ager Syarafiq Abdul Samad said the lack of chicken had forced the satay manufacturer to limit production as suppliers had claimed there was a shortage of stock from farms.

Syarafiq said he now obtained his chicken from two suppliers.

"During Hari Raya Aidilfitri, we made between 50,000 and 70,000 sticks a day."

"However, due to the shortage now, we can only make about half."

"We have to limit the number of sticks customers can buy and we try to negotiate nicely with them."

"If they want 500 sticks, we will have to offer 400."

"Fortunately for us, they understand our situation as we also want other customers to buy the satay."

"If we feel we cannot keep up with the demand due to a lack of meat, we will close orders for the day."

This was the third time the cost of chicken had risen since the hikes in December and February, he said.

He said he felt the strain as the high cost came in tandem with the rising prices of ingredients needed to make satay and its sauce, including peanuts, chilli and sugar.

He said there was also a shortage of beef as his order of 50 tonnes would be reduced to 30 tonnes, but there were no issues with lamb.

Like Rosli, he urged the government to sympathise with business operators as they had to not only bear the cost of ingredients but also cover operational costs and salaries.

Entrepreneurs set up organic farm on shopping mall roof

KUALA LUMPUR

HAVING a background in the food industry did not prevent entrepreneur Emil Jihad, 32, from venturing into organic farming.

He uses an aquaponic system (a combination of fish and vegetable farming) on the 7,000 sq ft smart greenhouse farm on the roof of the 1 Utama Shopping Centre in Petaling Jaya, Selangor.

The vegetable garden, Fresh Growcer, allows customers to pick the produce.

Emil and his partner, Tony Yong, 52, who began this venture in March, said they practiced sustainable agriculture to produce crops that were free from pesticides, making them safer to consume.

"The water system used for crops is shared with fish farms and the fish waste provides a natural source of organic food for vegetables.

"If pesticides or chemical fertilisers were used, the fish will die, decreasing the nutrients to the vegetables," he said, adding that to maximise cost savings the greenhouse used 100 per cent sunlight and exhaust fans for ventilation.

Emil said they chose the rooftop of the mall for the vegetable garden because its strategic location made it easier for ur-

banites to get vegetables as well as experience a garden-like environment.

He said there were challenges in growing organic vegetables as they needed more care than conventional ones as well as ensuring a continuous supply of produce.

"It takes an average of 35 days for the vegetables to reach maturity. Until today we are able to meet demand. The vegetables of choice will be given priority in terms of the number of crops compared with others," he said.

Emil, who returned to Malaysia five years ago after living in New York, said he grew a variety of vegetables, including red spinach, mustard leaves, Italian basil and cili padi, in addition to rearing tilapia fish, and selling organic fruits brought from villages.

He hoped to cultivate more types of vegetables and wanted to make the garden a reference centre for institutions and students interested in organic farming.

Customer Nazli Idrus, 40, from Taman Tun Dr Ismail, said he learnt about the farm through his friends on social media.

"Although the vegetables sold here are at slightly premium prices, they are worth it because we can pluck them ourselves. They are healthier for us and the environment as they are free from chemicals."

Bernama



Entrepreneur Emil Jihad at the Fresh Growcer organic farm on the roof of the 1 Utama Shopping Centre in Petaling Jaya.
BERNAMA PIC

Durian peak season delayed but fruit will be cheaper by October

By ALLISON LAI
allison@thestar.com.my

PETALING JAYA: The erratic weather has pushed this year's durian season, which typically peaks in June and July, to October – but the good news is that there will be cheaper durian by then.

As the yield fell by over 50% this season, durian lovers will have to fork out more for the thorny fruit currently.

However, cheaper durians will come when the peak rolls around in October, as farmers are likely to have an excess of up to 150% compared with the typical yield.

Malaysian Durian Exporters Association president Sam Tan said the famous Musang King would be sold for RM60 to RM70 per kilogramme this season.

He expected the price to drop to about RM30 per kilogramme in October.

"Usually, there is a season every December. But our yield was not much last year, and some farms were hit by the major floods."

"Then the flowering didn't happen in March due to the erratic weather, so the coming peak season in October will be massive, with many fruits."

"Durian lovers would most likely buy less this season and wait to feast on the king of fruits in October," he said in an interview.

Although fertiliser prices have gone up over the last few years, he said the increase had little effect on the high price of durian this season.

"It's only a small factor ... as a pack of fertiliser can be used for

many trees. The increase has little effect on each tree and fruit."

"So, the upcoming season's price increase is more because of the season shift caused by the weather that has affected yields."

Tan, the executive director of MAPC Sdn Bhd, Malaysia's largest durian supplier that exports about 90% of its fruit to China, said the upcoming season's lower yield was a "blessing in disguise" for farmers as sales in China have slowed down considerably.

"Many cities in China are still in some form of lockdown because of its zero-Covid strategy, and durian is not a necessity."

"The country also has many provinces with their own local authority rules limiting logistics and transportation arrangements."

This becomes a problem for our

durian exports," he said, adding that China's durian sales fell by at least 30%.

While anticipating the next peak season in October, Tan said he hoped that the situation in China would improve by July so that Malaysia could make it in time to export more later.

"The preparation to export durian to China takes about two months each season."

"If they open up only later, we won't make it and will end up with an excess locally," he said, adding that such excess can see the Musang King price slide further to RM20 per kilogramme.

Topfruits managing director Dr Tan Sue Sian also said his farms expected a 50% fall in yield with a 30% drop in exports.

He said the per kilo farm price of

Musang King was about RM60 to RM65 (Grade A) and RM36 to RM40 (Grade B), compared with last year's RM45 to RM50 for Grade A and RM26 to RM30 for Grade B.


Dr Tan, whose company specialises in frozen fruit exports, also said the erratic weather had significantly affected flowering and, naturally, yields this year.

"The weather plays an important role. During flowering, rains will affect the pollination process."

To cope with the challenges, he said durian farms should incorporate modern and precision farming to be less labour-intensive and use less fertiliser.

"All farmers should rely on scientific data while adopting modern and precision farming to secure a yield that is better in terms of quantity and quality," he added.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/5/2022	HARIAN METRO	LOKAL	20



PEKERJA pemborong Durian Cap Tupai menyusun bakul-bakul durian. Pemilik dusun durian sekitar kawasan Sungai Ara, Georgetown membawa bakul yang berisi durian untuk dijual kepada pemborong durian itu. Menurut pemborong durian berkenaan, Peter Goh, durian-durian yang dibeli di sekitar kawasan Sungai Ara itu akan dijual kepada pemborong dari Kuala Lumpur dan Kedah. Tambahnya lagi, sejak dua tahun lepas, pemborong berkenaan tidak dapat mengunjungi tempat itu berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid-19.

Padi IS21 tangani ancaman kebuluran



ILMU
KEJURUTERAAN
DARIPADA
AL-QURAN

DR MUHTIDIN ARIFIN

Ramalan dunia berdepan masalah kebuluran isu ketara belakangan ini. Di Malaysia, ramai yang mengadakan ramahterbuka Aidilfitri dinasihati agar berjimat cermat demi menghadapi ramalan 'kebuluran' yang mungkin melanda negara.

Sekalipun Malaysia adalah pengeluar minyak kelapa sawit terbesar dunia, namun negara masih perlu mengimport banyak bahan mentah lain seperti tepung, beras dan gula. Sebagai anak pesawah di Muar, Johor, penulis terperanjat kerana Malaysia masih perlu membeli antara 40 dan 45 peratus daripada jumlah bekalan beras keseluruhannya dari Vietnam, Indonesia, China dan Pakistan.

Berdasarkan sifir mudah, Malaysia peritukan 2.4 juta tan metrik beras setahun untuk 32.7 penduduk negara. Justeru, penulis ingin mengemukakan beberapa cadangan segera kepada kerajaan.

Sebagai permulaan, kegiatan penanaman padi harus segera dilaksanakan melibatkan 800,000 hektar tanah bendang terbiar di seluruh negara. Jika Unjuran Purata Kadar Pertumbuhan Tahunan (CAGR) 10 tahun akan datang pada kadar 1.7 peratus setahun, jumlah penduduk Malaysia pada 2032 dianggarkan 38.7 juta. Pada ketika itu, keperluan beras meningkat 2.8 juta tan metrik setahun.

Penulis mencadangkan penanaman padi tiga musim setahun menggunakan teknologi baka padi seperti IS21 dihasilkan Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia). IS21 tahan penyakit, sesuai dengan perubahan cuaca dan berkualiti tinggi. Ia juga mampu meningkatkan pengeluaran padi sehingga 9 tan metrik sehektar atau tiga kali ganda daripada benih padi sedia ada.

Jika ini dilakukan, Malaysia boleh meningkatkan pengeluaran padi negara kepada 21.6 juta tan metrik setahun. Angka ini melebihi 300,000 tan metrik atau penggunaan berterusan setiap masa untuk tempoh 45 hari. Malaysia juga boleh mengeksport beras ke negara ketiga.

Perlu diingatkan Allah SWT telah memberi peringatan tentang keperluan sumber makanan menerusi surah al-Mu'minun ayat 18-21. Oleh sebab itu,

penulis berharap pembangunan kawasan perindustrian, pembangunan dan projek perumahan melibatkan tanah bendang dapat dikurangkan.

Penulis juga berharap tawaran pekerjaan lebih menarik harus difokuskan kepada sektor pertanian bagi memastikan tenaga profesional dan buruh bertenaga mahir bukannya satu masalah.

Namun, laporan pengajian JobStreet Malaysia 2022 menunjukkan sektor pertanian mengalami peratusan peningkatan gaji terendah iaitu 44 peratus (%) berbanding sektor lain seperti perkhidmatan awam (63%), pendidikan (46%) dan telekomunikasi (45%).

Penulis juga mendapati jurang kecapan dan kemahiran sangat ketara antara pekebun kecil dengan estet yang menjadi punca penurunan produktiviti dan saiz pegangan tidak ekonomik. Masalah ini juga menjadi cabaran ketara bagi memastikan jaminan pembekalan beras dapat dilaksanakan.

Ini kerana Malaysia tidak mampu memupuk pembangunan domestik industri kejuruteraan mesin pertanian moden seperti mesin penuai padi dan pemindahan anak padi. Begitu juga penggunaan peralatan mesin pemprosesan produk berasaskan padi-beras sebagai produk

sampingan.

Penulis ingin mencadangkan pembangunan, pengeluaran dan kemahiran industri mesin pertanian moden peringkat domestik perlukan sentuhan kerjasama industri luar negara bagi mengurangkan kos import secara keseluruhan. Produk sampingan berasaskan padi-beras juga perlu melibatkan sentuhan dan pasukan saintis, jurutera serta teknologis.

Penulis mendapati cabaran berkaitan penanaman padi boleh diatasi dengan meningkat dan membangunkan teknologi kejuruteraan peralatan mesin pertanian moden serta sistem pemprosesan produk makanan sampingan serta produk hiliran secara berterusan.

Program pengeluaran dan penghasilan makanan utama tempatan lain seperti ayam, ikan dan sayur-sayuran juga perlu digabungkan dengan pembangunan teknologi berkaitan jaminan makanan bagi kepentingan permintaan yang semakin meningkat.

Kesimpulannya, masalah kebuluran di Malaysia boleh diatasi sekiranya semua cadangan ini dapat dilaksanakan.

* Ir Dr Muhtidin Arifin ialah Pengarah Institut Kejuruteraan Sukan, Pusat Kecemerlangan Universiti Selangor

Selepas henti eksport ayam, apa seterusnya?



ANALISIS
MUKA 16

NORAFIZA JAAFAR

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengambil keputusan tepat menghentikan sementara eksport ayam ke luar negara susulan isu kekurangan bekalan dalam negara.

Walaupun ada pihak kurang senang dengan langkah drastik itu, namun keputusan tersebut melegakan pengguna. Mana mungkin keperluan negara lain didahulukan ketika rakyat sendiri terpaksa mencatu makan apabila ada peniaga menghadkan pembelian satu atau dua ekor ayam sahaja kepada setiap pembeli.

Masalah tiada bekalan ayam mungkin lucu bagi mereka yang tidak terkesan namun merupakan masalah besar kepada mereka yang punya anak ramai atau peniaga dan pengusaha katering.

Isu bekalan ayam ini telah dibangkitkan sejak beberapa bulan lalu dan kerajaan sebelum ini sudah mengambil beberapa langkah sebagai tanda prihatin kepada isu rakyat.

Antaranya memperkenalkan Skim Kawalan Harga Keluarga Malaysia (SKHKM) dan penetapan harga siling runcit ayam standard RM8.90 sekilogram.

Secara tidak sedar, ia telah menimbulkan beban dalam kalangan peniaga pula yang mendakwa terpaksa menanggung rugi apabila harga yang ditetapkan pembekal adalah tinggi.

Sekitar Ramadan lalu, *Sinar Harian* ada membuat tinjauan di

Pasar Borong Selangor dan terkejut apabila ada peniaga mendakwa ayam dibeli daripada pembekal antara RM8.50 hingga RM10 sekilogram tapi terpaksa dijual pada harga RM8.90 kepada pengguna.

Tidak dapat dipastikan kebenaran di sebalik dakwaan tersebut namun mungkin ada betulnya.

Ini berdasarkan keluhan dalam kalangan penternak yang memaklumkan makanan ternakan ayam atau dedak telah meningkat sebanyak empat kali dalam tempoh 11 bulan.

Import bijirin jagung untuk makanan ayam sebelum pandemik Covid-19 adalah RM1,000 satu tan dan kini meningkat kepada RM2,600.

Kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) perlu memainkan peranan utama mencari jalan penyelesaian isu bekalan dan harga ayam bagi mewujudkan situasi menang-menang untuk semua pihak.

Banyak pihak terjejas setiap kali berlaku isu bekalan dan harga ayam tidak stabil yang bermula daripada penternak, pemborong, peniaga sehingga kepada pengguna. Ada pihak berpendapat industri penternakan perlu diletakkan di bawah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) bagi mengelakkan isu monopoli.

Kerajaan juga perlu memberi bantuan khas kepada penternak dan peniaga supaya operasi mereka tidak terjejas sekiranya ada pihak yang cuba memanipulasi isu bekalan.

Selepas henti eksport ayam, apakah strategi kerajaan seterusnya kerana itu hanya penyelesaian jangka masa pendek? Dalam hal ini, kerajaan perlu merangka pelan jangka masa panjang bagi menghadapi isu kekurangan bekalan. Sekarang negara bukan hanya dibebani dengan

masalah bekalan ayam tetapi ikan, daging, sayur dan tepung gandum turut dibebani isu sama.

Jika harga terus meningkat di khawatiri akan timbul isu kurang nutrisi dan kelaparan dalam negara.

Malaysia terkesan dengan isu bekalan kerana kebergantungan negara kepada import makanan.

Walaupun Malaysia mempunyai tanah subur untuk bercucuk tanam namun negara belum mampu memenuhi permintaan pengguna.

Untuk sayur dan buah-buahan sahaja, kerajaan membelanjakan RM7.5 bilion setahun untuk import. Halia, cili dan kubis juga diambil dari luar negara.

Sebelum ini, sudah ada kempen pertanian bandar namun kempen itu kurang mendapat sambutan ekoran tanah terhad dan kekangan masa.

Pada pandangan saya, sekarang adalah masa sesuai sektor pertanian dan penternakan dirancarkan semula. Penggunaan tanah kosong perlu dioptimumkan untuk projek pertanian dan bukan kepada projek pembangunan semata-mata.

Tambahan pula, projek pertanian dan penternakan dapat membantu mencipta peluang pekerjaan di samping mengatasi isu kekurangan bekalan. Ini dapat direalisasikan dengan inovasi dan penggunaan teknologi moden dalam pertanian. Kosnya mungkin tinggi, tetapi di sinilah peranan kerajaan memberi suntikan modal menerusi subsidi sebagai galakan.

Bagi mencapai matlamat, projek yang dijalankan perlu dipantau dan berkekalan, bukan hanya projek musim atau sekadar memenuhi kuota senarai penerima subsidi kerajaan.

** Norafiza Jaafar ialah wartawan Sinar Harian Selangor/KL*

27/5/2022

BERITA
HARIAN

NASIONAL

25

Kebun sayur organik atas bumbung

Usahawan muda, rakan kongsi praktik konsep lestari hasilkan produk lebih segar

ra-kira 7,000 kaki persegi.

Kebun sayuran yang dikenali sebagai Fresh Growcer itu juga memberikan pengalaman menyeronokkan apabila pelanggan boleh memetik sendiri sayur yang masih segar untuk dibawa pulang.

Berkongsi mengenai usahanya itu, Emil berkata, perniagaan yang dimulakan sejak Mac itu bersama seorang lagi rakan kongsinya, Tony Yong, 52, mempraktik konsep lestari dan mampan, bagi menghasilkan tanaman yang lebih selamat apabila dimakan.

Beliau berkata, penggunaan racun serangga perosak ke atas tanaman sayur-sayuran dikhuatiri membahayakan kesihatan, selain banyak sayuran yang dijual di pasar didakwa bebas daripada racun, namun masih ada yang diragui kebenarannya.

Kuala Lumpur: Latar belakang industri makanan dan minuman tidak menghalang usahawan muda, Emil Jihad, 32, meneroka bidang pertanian dengan menanam dan menjual sayur-sayuran organik.

Penanaman pintar secara rumah hijau itu menggunakan sistem akuaponik (gabungan ternakan ikan dan sayuran) di atas bumbung pusat beli-belah di Petaling Jaya, yang berkeluasan ki-



Emil (kanan) memberi penerangan kepada pelanggan mengenai tanaman sayuran organik di Kebun Fresh Growcer di atas bumbung pusat beli-belah di Petaling Jaya, baru-baru ini. (Foto BERNAMA)

"Pelanggan boleh melihat dengan mata sendiri sistem air yang digunakan untuk tanaman sayur-sayuran dikongsi bersama dengan ternakan ikan dan sisa ikan itu pula akan menyediakan sumber makanan organik untuk sayur-sayuran secara semula jadi.

"Sebaliknya, jika menggunakan semburan racun atau baja kimia sudah tentu ikan akan mati dan ia boleh mengurangkan kandungan nutrisi sayuran yang ditanam," katanya.

Beliau berkata, rumah hijau itu turut memaksimumkan penjimatan seperti penggunaan cahaya matahari 100 peratus dan kipas untuk mencapai tempoh matang

ekzos sebagai pengudaraan.

Mengenai pemuliharaan bumbung pusat beli-belah sebagai kebun sayuran, Emil berkata itu tempat strategik bagi memudahkan golongan bandar mendapatkan bekalan sayuran yang segar dengan cepat dan merasai persekitaran kebun dengan lebih dekat.

Berkongsi cabarannya pula, Emil mengakui tanaman sayuran organik memerlukan lebih penelitian berbanding tanaman secara konvensional dan perlu memastikan bekalan yang ada sentiasa dapat memenuhi permintaan pelanggan.

"Purata tumbesaran sayuran untuk mencapai tempoh matang

ialah 35 hari. Setakat ini kita masih lagi mampu menampung permintaan dan sayuran yang menjadi pilihan akan diberikan keutamaan dari segi jumlah tanaman berbanding sayur lain," katanya.

Emil yang sebelum ini menetap di New York, Amerika Syarikat kembali ke Malaysia kira-kira lima tahun lalu berkata, kebun sayur organik itu menawarkan pelbagai jenis sayuran seperti bayam merah, sawi pendek, sawi bunga, salad, selasih Itali, cili padi selain ternakan ikan tilapia dan buah-buahan organik yang dibawa dari kampung.

BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/5/2022	HARIAN METRO	LOKAL	20

www.harianmetro.com.my | 27/05/2022 | HARIAN METRO

loka



PEKERJA kebun Fresh Growcer di Petaling Jaya memeriksa tanaman untuk memastikan ia berada dalam keadaan yang segar sebelum dijual kepada pelanggan.

Tanam sayur atas bumbung!

Pelanggan boleh petik sendiri sayur segar ditanam guna teknik akuaponik untuk dibawa pulang

Kuala Lumpur

Biar pun berlatarbelakangkan industri makanan dan minuman, tidak mengbalang usahawan muda, Emil Fihad, 32, untuk meneroka bidang pertanian apabila menaruh dan menjual sayur-sayuran organik tanpa menggunakan sebarang racun serangga perosak.

Lebih menarik, penanamari pintar secara rumah hijau itu menggunakan sistem akuaponik (gabungan ternakan ikan dan sayuran) di atas bumbung sebuah pusat beli-belah di Petaling Jaya, Selangor yang berkeluasan kira-kira 7,000 kaki persegi.

Selain itu, kebun sayuran yang dikenali sebagai Fresh Growcer (One Utama Rooftop Farm) itu juga memberikan pengalaman yang menyeronokkan apabila pelanggan boleh memetik sendiri sayur yang masih segar untuk dibawa pulang.

Berkongsi mengenai usahanya itu, Emil berkata perniagaan yang dimulakan sejak Mac itu bersama seorang lagi rakan kongsinya, Tony Yong, 52, mempraktikkan



EMIL meneroka bidang pertanian apabila menanam dan menjual sayur-sayuran organik tanpa menggunakan sebarang racun serangga perosak.

konsep lestari dan mampan bagi menghasilkan tanaman yang lebih selamat apabila dimakan.

Katanya, penggunaan racun serangga perosak ke atas penanaman sayur-sayuran di khuatir membahayakan kesihatan selain banyak sayu-

ran yang dijual di pasar didakwa bebas daripada racun, namun masih ada yang diragui kebenarannya.

"Oleh itu, di sini pelanggan yang datang boleh melihat dengan mata sendiri sistem air yang digunakan untuk menanam sayur-sayuran dikongsi bersama dengan ternakan ikan dan sisa ikan itu pula akan menyediakan sumber makanan organik untuk sayur-sayuran secara semula jadi.

"Sebaliknya jika menggunakan semburan racun atau baja kimia sudah tentu ikan akan mati dan ia boleh mengurangkan kandungan nutrisi sayuran yang ditanam," katanya dan menambah ru-

mah hijau itu turut memak-simumkan penjimatan seperti penggunaan cahaya matahari 100 peratus dan kipas ekzos sebagai pengudaraan.

Mengenai pemilihan bumbung pusat beli-belah sebagai kebun sayuran, Emil berkata ia adalah tempat strategik bagi memudahkan golongan bandar mendapatkan sayuran segar dengan cepat dan merasa persekitaran kebun dengan lebih dekat.

Berkongsi cabarannya pula, Emil mengakui menanam sayuran organik memerlukan lebih penelitian berbanding tanaman secara konvensional dan perlu memastikan bekalan yang ada sentiasa dapat memenuhi permintaan pelanggan.

"Purata tumbesaran sayuran untuk mencapai tempoh matang adalah 35 hari, setakat ini kita masih lagi mampu menampung permintaan dan sayuran yang menjadi pilihan akan diberikan keutamaan dari segi jumlah tanaman berbanding sayur lain," katanya.

Emil yang sebelum ini menetap di New York, Amerika Syarikat kembali ke Malaysia kira-kira lima tahun

lepas berkata kebun sayur organik itu menawarkan pelbagai jenis sayuran antaranya bayam merah, sawi pendek, sawi bunga, salad, selasih Itali, cili padi selain ternakan ikan tilapia dan buah-buahan organik yang dibawa dari kampung.

Beliau juga berhasrat menanam sayur pada masa akan datang selain mahu menjadikannya sebagai pusat rujukan kepada institusi dan pelajar yang berminat menjalankan pembelajaran secara fizikal mengenai usaha yang dilakukan itu.

Sementara itu, seorang pelanggan Nazli Idrus, 40, yang tinggal di Taman Tun Dr Ismail berkata beliau mengetahui tentang kewujudan kebun sayur organik itu melalui perkongsian rakannya di media sosial yang telah mengunjunginya sebelum itu.

"Meskipun harga sayuran yang dijual di sini adalah sedikit premium, namun ia amat berbaloi kerana kita sendiri yang petik sayur dan yakin ia bebas daripada sebarang bahan kimia yang lebih banyak manfaat untuk kesihatan serta alam sekitar," katanya.

Purata tumbesaran sayuran untuk mencapai tempoh matang adalah 35 hari

27/5/2022

BERITA
HARIAN

NASIONAL

16

Isu ayam dan harga barang

Pengguna terus mengeluh

pada harga tinggi daripada pembekal.

Pengunjung pasar, Nurhidayah ti Muslim, 53, berkata beliau amat terbeban dengan harga ayam yang melambung tinggi kini.

"Sebelum ini, saya membeli ayam pada harga sekitar RM7 hingga RM8 sekilogram, tetapi sekarang sudah mencecah RM11 sekilogram.

"Ini sangat membebankan, lebih-lebih lagi saya hanya berniaga secara kecil-kecilan. Saya percaya mereka yang ada ramai anak dan keluarga besar, mesti lebih terkesan.

"Keadaan sekarang amat sukar. Bukan saja ayam, malah harga sayur-sayuran juga naik. Sebagai contoh, harga kacang panjang sudah mencecah antara RM11 hingga RM15 sekilogram," katanya kepada BH.

Seorang peniaga ayam yang ha-

Peniaga elak rugi,
dakwa pembekal
kenakan
harga tinggi

Oleh Ercy Gracella Ajos
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pengguna mengeluh menanggung beban kos semakin tinggi akibat terkesan dengan kenaikan bukan saja harga ayam yang berdepan krisis bekalan ketika ini tetapi juga ikan dan sayur-sayuran.

Hasil tinjauan di Pasar Pudu, di sini, semalam, mendapati peniaga mendakwa terpaksa menaikkan harga bahan mentah berkenaan bagi mengelak kerugian kerana memperolehnya



Peniaga terpaksa menaikkan harga sayur ketika tinjauan di Pasar Pudu, semalam.

(Foto Aswadi Alias/BH)

sehari," katanya yang sudah berniaga sejak 30 tahun lalu.

Peniaga ikan, Salimi Ariffin, 50, juga mendakwa terpaksa menaikkan harga ikan kerana pembekal menaikkan har-

ga. "Stok ikan masih ada tetapi mengalami peningkatan harga.

Sebagai contoh, ikan pelaling yang dijual RM6 sekilogram sebelum ini, kini naik kepada RM10 sekilogram. Ikan tongkol hitam pula kini RM13 sekilogram berbanding hanya RM10.50 sekilogram sebelum ini.



Nizam

nya mahu dikenali sebagai Nizam, 45, berkata krisis bekalan bahan mentah itu masih berlarutan dengan kebanyakan stok harian hanya dapat dijual kepada pelanggan tetap.

"Saya baru menaikkan harga ayam ke pada RM11 sekilogram, Isnin lalu, kerana pembekal menjualnya pada harga RM9.80 sekilogram berikutan kekurangan stok.

"Dulu, saya biasa menerima bekalan antara 600 hingga 700 ekor ayam tetapi sekarang hanya memperoleh 200 hingga 300 ekor ini.

"Memang ada pembeli yang merungut tetapi mereka pun faham bukan kami saja-saja hendak menaikkan harga," katanya.

Dalam pada itu, peniaga sayur juga mengaku berlaku peningkatan harga, termasuk bendi, kacang panjang, kailan dan sawi. Sementara itu tinjauan di sebuah pasar raya, di sini, mendapati jualan ayam masih mengikut harga siling ditetapkan, iaitu RM8.90 sekilogram.

Seorang pekerja pasar raya itu yang enggan dikenali berkata, bagaimanapun hanya ada bekal kira-kira 50 hingga 100 ekor ayam setiap hari dengan setiap pelanggan hanya dihadkan membeli dua ekor.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/5/2022	BERITA HARIAN	RENCANA	12

Manfaatkan tanah luar jelapang padi jamin sekuriti makanan

• Penubuhan konsortium antara usaha urus kawasan lebih efektif

• Kekurangan infrastruktur, kemudahan pengairan bukan alasan

• Perancangan, strategi, pelan perlu dibentuk lindung tanah pertanian



Pengarah Institut Kajian Kerajaan Tempatan, Pusat Pengajian Kerajaan, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Prof Madya Dr Ahmad Zubir Thrahim
bhrencana@bh.com.my

Dasar Agro Makanan 2.0 menyasarkan pada tahun 2030, jumlah pengeluaran beras mencapai 2.32 juta metrik tan dengan kenaikan sebanyak 53.6 peratus berbanding 1.51 juta metrik tan pada tahun 2019.

Jumlah kenaikan pengeluaran akan menjadi penyumbang utama ke arah peningkatan pencapaian kadar sara diri (SSL) sebanyak 80 peratus, berbanding 70 peratus pada masa sekarang.

Bagi mencapai hasrat itu, purata hasil padi bagi setiap unit kawasan sawah padi perlu dipertingkatkan kepada 5.3 metrik tan setiap hektar berbanding purata hasil semasa sebanyak 3.5 metrik tan per hektar (2019).

Sasaran pencapaian kepada 5.3 tan sehektar membolehkan produktiviti lebih tinggi diperlukan bagi mengurangkan keperluan tanah sawah.

Pada tahun 2020, seluas 644,854 hektar tanah di seluruh negara ditanam dengan tanaman padi dengan pengeluaran sebanyak 2,343,760 metrik tan, membabitkan seramai 189,500 petani padi.

Daripada jumlah itu, sebanyak 1,865,346 metrik tan pengeluaran padi dengan keluasan bertanam 422,066 hektar disumbang 12 kawasan diwartakan sebagai kawasan jelapang padi.

Secara keseluruhan, purata hasil kawasan jelapang padi menyumbang kepada pengeluaran negara sebanyak 4.42 tan per hektar pada tahun 2019.

Pada masa sama, kawasan luar jelapang padi turut bersama menyumbang sebanyak 578,898 tan dengan keluasan bertanam seluas 228,418 hektar.

Secara keseluruhan, purata pengeluaran padi bagi kawasan luar jelapang padi sebanyak 2.5 tan sehektar. Secara ironinya kawasan luar jelapang padi merujuk kepada kawasan tanaman padi sama ada skem pengairan kecil mahupun di luar skem pengairan.

Secara tidak langsung kebergantungan kepada sumber air hujan adalah tinggi sebagai sumber air utama bagi tujuan pengairan. Walaupun pengeluaran padi di kawasan ini hanya 2.5 metrik tan sehektar, sumbangan kawasan luar jelapang tidak boleh dinafikan.

Hakikatnya, kawasan ini menyumbang kepada sumber pendapatan utama bagi golongan petani padi di luar bandar dan menyokong sekuriti makanan negara, menampung keperluan makanan ruzi masyarakat setempat.

Kekurangan infrastruktur dan kemudahan pengairan berbanding kawasan jelapang bukan alasan utama kawasan ini dipandang sepi. Ini kerana sekiranya kena dengan cara dan strategi, kawasan ini mampu mengeluarkan hasil pengeluaran seiring dengan kawasan jelapang.

Himpitan dan hambatan pembangunan mengakibatkan banyak kawasan tanah sawah di pinggir bandar khususnya di kawasan jelapang semakin mengecut susulan penukaran status tanah dari tanah pertanian kepada tanah perindustrian.

Situasi ini mengakibatkan kawasan tanah sawah semakin terhad dan berkurangan, menyebabkan penyusutan kapasiti ekosistem bagi membekalkan pengeluaran makanan.

Kesan persaingan industri tanaman padi dan sektor perindustrian mengakibatkan pengeluaran padi di Kedah sebagai contoh, mengalami pengurangan hasil

padi sebanyak 28,307 tan setahun akibat penukaran status kawasan sawah padi kepada perumahan dan pembangunan domestik sejak 11 tahun lalu.

Pengurangan hasil itu menyamai RM44.16 juta, dengan purata hasil lima tan sehektar bagi dua musim penanaman padi. Impaknya bukan hanya menjejaskan pencapaian sekuriti makanan, malah turut memberi kesan kepada kelangsungan kehidupan petani.

Penyusutan tanah sawah semakin berkurangan akibat hambatan pembangunan dan keperluan menjamin sekuriti makanan, maka kawasan luar jelapang di lihat sebagai pengganti kepada kehilangan tanah pertanian di kawasan jelapang.

Justeru, perancangan, strategi dan pelan jangka masa panjang dan pendek perlu dibentuk secara kondusif, holistik dan komprehensif bagi melindungi tanah pertanian sedia ada bagi menyokong sekuriti makanan negara.

Pelaburan besar diperlukan bagi membangunkan kawasan luar jelapang dan kesannya akan dinikmati secara berterusan dalam tempoh jangka masa panjang serta menjamin sekuriti makanan untuk generasi akan datang.

Penubuhan konsortium dalam membangunkan kawasan luar jelapang dilihat sebagai antara satu usaha bagi menguruskan kawasan luar jelapang dengan lebih efektif.

Walaupun terdapat agensi kerajaan sedia ada untuk membangunkan kawasan luar jelapang, penubuhan konsortium ini bukan bertujuan mengambil alih peranan dan fungsi agensi terbahagi tetapi berperanan mengoptimalkan sepenuhnya potensi kawasan luar jelapang dikenal pasti dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk industri, institusi kewangan dan pihak terbabit dalam rantaian bekalan makanan.

Pelaburan besar diperlukan bagi membangunkan kawasan luar jelapang dan kesannya akan dinikmati secara berterusan dalam tempoh jangka masa panjang serta menjamin sekuriti makanan untuk generasi akan datang

Perkara ini bertujuan memastikan kawasan luar jelapang mampu bersaing dalam pengeluaran makanan negara. Melalui konsortium ini, perancangan serta strategi jangka masa panjang dan pendek dibentuk bagi mengatasi kekurangan di kawasan berkenaan, sekali gus membangunkan potensi kawasan luar jelapang yang kurang diberi perhatian sewajarnya.

Tidak dapat dinafikan terdapat sesetengah kawasan luar jelapang tidak mampu menanam padi sekali setahun susulan kekurangan sumber air terutama pada luar musim. Atas kekangan sumber pengairan, tanaman kontan dilihat sebagai alternatif jangka pendek boleh diusahakan pada luar musim.

Walaupun dilihat penggantian tanaman padi dengan tanaman kontan dalam jangka masa pendek, ia turut menyumbang pendapatan kepada petani secara berterusan.

Pemilihan dan penentuan jenis tanaman kontan boleh dibuat mengikut zon atau kawasan tanaman padi bersesuaian dengan mana-mana tanaman kontan bagi memudahkan kerja pemantauan dilakukan kelak.

Pembangunan kawasan luar jelapang perlu pembabitkan semua pihak supaya keseluruhan kawasan ini dapat menyumbang pengeluaran makanan negara.

Melalui pelaksanaan di bawah pengurusan konsortium, penggunaan automasi dalam industri tanaman padi dapat dipertingkatkan dengan memberi keyakinan kepada petani dan gabungan tanah berskala kecil mampu mempertingkatkan pengeluaran automasi sepenuhnya di bawah pengurusan sistematik.

Pada masa sama, kos input dapat dikawal sepenuhnya pihak pengurusan tanpa dimanipulasi pihak ketiga. Melalui pengurusan lebih efektif, rantaian nilai terputus antara hulu, pertengahan rantaian dan industri hiliran dapat dikurangkan. Justeru, penjualan hasil pengeluaran pada harga rendah di ladang kepada orang tengah dapat dielak dan dikawal sepenuhnya pihak pengurusan konsortium.

Pada masa sama konsortium mempunyai kebolehcapaian di dalam pasaran dan akan menguntungkan petani untuk berunding mengenai harga tanpa di ambil kesempatan pihak lain.

Sementara itu, 102,182 hektar tanah terbiar di Semenanjung sesuai dibangunkan dengan pelbagai komoditi pertanian. Walaupun sebahagiannya tanah berskala kecil, sekiranya digabungkan ia mampu mengoptimalkan pengeluaran makanan negara.

Perkara ini harus diberi perhatian kerajaan dengan cara melantik pihak ketiga melalui penubuhan konsortium bagi mengusahakan tanah terbiar.



Harga ayam di Kuala Terengganu RM14 sekilogram

Peniaga terpaksa jual mahal

Oleh ROSALINDA MD SAID
rosalinda.said@mediamula.com.my

KUALA TERENGGANU: Bekalan ayam yang berkurangan menyebabkan harga ternakan itu yang dijual di pasar sekitar daerah ini melambung antara RM12 hingga RM14 sekilogram.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, peniaga di Pasar Chabang Tiga, Wali Ridzuan Hudin Abdul Manan, 36, berkata, harga itu dijangka terus meningkat beriku-

tan situasi semasa yang makin kritikal.

Katanya, rata-rata peniaga terpaksa menjual pada harga mahal susulan kos dikenakan pembekal yang berterusan naik termasuk semalam meningkat lagi 30 sen.

"Jadi saya tiada pilihan melainkan jual pada harga RM12 sekilogram untuk menampung kos pekerja, plastik dan ais batu.

"Ada juga peniaga lain yang menjual antara RM13 hingga

RM14 sekilogram tetapi saya tidak sanggup meletakkan harga terlampau tinggi hingga membebankan pengguna," katanya di sini semalam.

Menurut Wali Ridzuan Hudin, bekalan ayam masih lagi dicatu pembekal dan hanya menerima separuh daripada kebiasaan sebanyak 100 ekor sehari.

Katanya, keadaan itu turut menyebabkan jualan kini terhad kepada pelanggan tetap dalam kalangan peniaga kedai makan

dan pengusaha kantin sekolah sahaja tanpa dapat menjual secara runtut.

"Operasi perniagaan pun makin singkat kerana pukul 10 pagi ayam sudah habis dibeli pelanggan," katanya.

Sementara itu, seorang pengguna, Maznah Ahmad, 50, berkata, seekor ayam yang dibeli di Pasar Payang kelmarin berharga RM14 sekilogram, yang paling mahal pernah dibelinya setakat ini.



BEKALAN ayam yang semakin berkurangan menyebabkan kebanyakan peniaga pasar di sekitar daerah Kuala Terengganu terpaksa menjualnya pada harga yang sedikit mahal

SPS, SPU berpotensi tanam jagung

BUKIT MERTAJAM: Jabatan Pertanian negeri mengenal pasti beberapa kawasan yang sesuai di Seberang Perai khusus untuk tanaman jagung bagi dijadikan makanan haiwan atau dedak.

Pengarahnya, Mohd. Muhaimin Ibrahim berkata, ketika ini projek tanaman itu masih di peringkat perbincangan bersama pihak berkenaan termasuk kerajaan negeri, namun beliau per-

caya dapat dilaksanakan dalam masa terdekat.

Menurutnya, berdasarkan pemantauan, dua daerah iaitu Seberang Perai Utara (SPU) dan Seberang Perai Selatan (SPS) dilihat berpotensi untuk tujuan itu.

"Tanaman jagung bijian ini sebenarnya memerlukan kawasan yang luas dan tanah yang sesuai kerana kita mahu hasil

yang berkualiti.

"Sebagai contoh, di SPS, kita telah kenal pasti kawasan seluas 32.4 hektar untuk tanaman ini. Apapun, kita masih tetap perlu lihat kesesuaian tanah serta bentuk muka buminya terlebih dahulu," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Kerajaan negeri sebelum ini dilaporkan bersedia mempertimbangkan permohonan tanah

Lesen Kependudukan Sementara (TOL) untuk digunakan bagi aktiviti penanaman jagung untuk dijadikan dedak atau alternatif kepada makanan ayam.

Menurut Ketua Menteri, Chow Kon Yeow, walaupun keluasan tanah di Pulau Pinang agak kecil, aktiviti pertanian dan penternakan amat digalakkan.

Kerajaan patut dengar suara pengguna

ALOR SETAR: Persatuan Pengguna Kedah (Cape) mencadangkan kerajaan, pemain industri ayam dan persatuan pengguna duduk semeja membincangkan isu kekurangan bekalan serta kenaikan harga bahan itu ketika ini.

Setiausaha Cape, Mohamad Yusrizal Yusoff berkata, berdasarkan pemerhatian pihaknya, suara daripada persatuan pengguna yang mewakili rakyat tidak diketengahkan dalam perjumpaan menyelesaikan masalah berkaitan.

"Dahulu Kementerian berkaitan buat mesyuarat jemput pemain industri sahaja, hanya dua pihak bermesyuarat tetapi tiada persatuan pengguna untuk mewakili rakyat. Kesudahannya, suara pemain sektor ini seperti penternak dan peniaga sahaja didengari.

"Baru-baru ini kurang bekalan ayam dan Cape selidik bukan tidak ada ayam tetapi penternak mogok sebab isu subsidi. Mogok satu budaya tidak sihat kepada pengguna, bila kerajaan nak bagi subsidi, bila tak bagi atau lewat mereka mogok.

"Oleh sebab itu Cape rasa, keputusan kerajaan bagi subsidi kepada penternak ini gagal. Apa juga keputusan kerajaan harus memikirkan tentang kesejahteraan pengguna," katanya di sini semalam.

Tambah beliau, kenaikan harga barang termasuk ayam itu semakin menjerat pengguna apatah lagi apabila ia berlaku setiap musim perayaan.

"Seingat saya dahulu setahun hanya dua kali kenaikan iaitu pada Hari Raya Aidilfitri dan hujung tahun. Tetapi sekarang setiap kali musim perayaan harga barang naik.

"Kalau kita makan di kedai untuk tengah hari sekarang RM10 ke atas, dahulu RM7 sudah cukup untuk seorang. Jadi itulah kenaikan sehingga 30 peratus dengan alasan semua harga barang meningkat naik," katanya.